

D634

U B617 ABB
MAHKAMAH - FEER
(I)

KUALA LUMPUR, 30 MAC (BERNAMA) -- SEORANG PEGUAM KANAN PERSEKUTUAN MENYIFATKAN DAKWAAN KONONNYA MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN TELAH MENAKIBATKAN FITNAH TERHADAP PERDANA MENTERI DENGAN MENYEBABKAN LAPORAN MENGENAI DAKWAAN PENJUALAN LIMBANG KEPADA BRUNEI DARUSSALAM DISIARKAN, IALAH AKIBAT +KEBIJAKSANAAN UNDANG-UNDANG DAN IMAGINASI YANG DIPUTAR-BELITKAN.+

PEGUAM KANAN PERSEKUTUAN, T.SELVENTHIRANATHAN, BERHUJAH DI MAHKAMAH TINGGI HARI INI BAHAWA KEBENARAN BAGI PENGEDARAN PENERBITAN TIDAK MERUPAKAN TINDAKAN YANG MEMBAWA KEPADA FITNAH ATAU MENYEBABKAN BAHAN YANG BERBENTUK FITNAH DISIARKAN.

UNTUK BERKATA BAHAWA MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN MERESTUI PENYIARAN LAPORAN ITU YANG DISIARKAN DALAM MAJALAH FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW (FEER) DAN DENGAN BERBUAT DEMIKIAN, TELAH MEMBAWA KEPADA MEMFITNAH PERDANA MENTERI, SAMALAH SEPERTI BERKATA BAHAWA SEMUA RENCANA BERBENTUK FITNAH DI NEGARA INI DISÉBABKAN OLEH MENTERI BERKENAAN DAN KERAJAAN, KATA BELIAU.

HUJAH ITU, MENURUT, ENCIK SELVENTHIRANTHAN, TIDAK DAPAT DIPERTAHANKAN.

MAJALAH ITU DAN PENGARANGNYA, DEREK DAVIES, DISAMAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KERANA FITNAH BERHUBUNG DENGAN RENCANA MENGENAI PENJUALAN LIMBANG YANG DIMUATKAN DALAM EDISINYA 21 MEI TAHUN LALU. -- LAGI

1952MST 30 03 88

U B618 AAB
MAHKAMAH - FEER 2 KUALA LUMPUR
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMOHON GANTIRUGI YANG TIDAK KHUSUS KERANA FITNAH YANG TERKANDUNG DALAM KENYATAAN-MEMINTA MAAF DAN PENARIKAN KEMBALI LAPORAN BERHUBUNG DENGAN RENCANA YANG DISIARKAN OLEH MAJALAH ITU PADA 4 JUN LALU.

ENCIK SELVENTHIRANATHAN BERHUJAH ATAS PERMOHONAN DEFENDAN UNTUK MEMASUKKAN MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN SEBAGAI PIHAK KETIGA DALAM SAMAN MALU YANG DIKEMUKAKAN OLEH PERDANA MENTERI OGOS LALU.

MENGENAI SEKSYEN 9 AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN, BELIAU BERKATA TUJUAN SEKSYEN ITU IALAH UNTUK MENCEGAH PENERBITAN YANG TIDAK DIINGINI DAN IA TIDAK TERTAKLUK KEPADA LIABILITI SIVIL AKIBAT APA-APA FITNAH.

KATANYA, MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI KEWAJIPAN STATUTORI TERHADAP DEFENDAN YANG BOLEH MENJADIKAN MEREKA PIHAK KETIGA KEPADA SAMAN ITU DAN MENAMBAH KATA DEFENDANLAH YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP RENCANA ITU.

AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN JELAS MELETAKKAN TANGGUNGJAWAB BAGI PENERBITAN KEPADA PENERBIT DAN IA TIDAK BOLEH, MELALUI +SEBARANG IMAGINASI+ MELETAKKAN TANGGUNGJAWAB ITU KEPADA PIHAK YANG MELULUSKAN PENERBITAN BERKENAAN, KATANYA. -- LAGI

2031MST 30 03 88

MAHKAMAH - FEER 3 KUALA LUMPUR
(I)

+DENGAN APA CARA SEKALIPUN, PIHAK KETIGA TIDAK BOLEH BERTANGGUNGJAWABKAN BAGI PENERBITAN YANG DIBUAT DI TEMPAT LAIN,+ KATA ENCIK SELVENTHIRANATHAN DAN MENAMBAH KATA PENERBITLAH YANG MEMUTUSKAN APA YANG HARUS DISIAR.

BELIAU BERKATA BUKANLAH MENTERI DALAM NEGERI YANG MENGGUNAKAN KUASA MENGIKUT SEKSYEN 9 DAN INI BERMAKNA BAHAWA KERAJAAN JUGA TIDAK BOLEH DIJADIKAN PIHAK KETIGA DALAM SAMAN ITU.

BELIAU BERKATA PERMOHONAN DEFENDAN UNTUK MEMASUKKAN PIHAK KETIGA BERTUJUAN UNTUK MEMALUKAN DAN MEMPREJUDISKAN DATUK SERI DR MAHATHIR.

+MEREKA BERKATA BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR, SEBAGAI PERDANA MENTERI, MEMOHON GANTIRUGI KERANA FITNAH TETAPI SEBAGAI MENTERI DALAM NEGERI, BELIAU SEPATUTNYA MENGHALANG MEREKA DARIPADA MEMFITNAHNYA,+ KATA ENCIK SELVENTHIRANATHAN.

BELIAU BERKATA NAMPAKNYA DEFENDAN MENYIFATKAN PERDANA MENTERI, MENTERI DALAM NEGERI, PEGAWAI KANAN YANG DIBERI KUASA YANG MELEPASKAN MAJALAH DAN KERAJAAN SEBAGAI SATU ENTITI UNDANG-UNDANG. PENDEKATAN INI, MENURUTNYA, JELAS SALAH. -- LAGI
2044MST 30 03 88

D665

U 8622 AAB
MAHKAMAH - FEER 4 KUALA LUMPUR
(I)

MENGENAI HUJAH DEFENDAN BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR BOLEH MEMBUAT RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN MENYIARKAN MAJALAH ITU, ENCIK SELVENTHIRANATHAN BERKATA PERDANA MENTERI TIDAK BOLEH BERBUAT DEMIKIAN MENGIKUT AKTA ITU.

HAKIM DATUK AJAIB SINGH AKAN MEMBUAT KEPUTUSAN PADA 8 APRIL. BELIAU JUGA AKAN MENETAPKAN TARIKH BAGI MENDENGAR PERMOHONAN DATUK SERI DR MAHATHIR SUPAYA DEFENDAN MENYEBUT NAMA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER YANG PADA MASA LALU MEREKA MENDAKWA TERBUKTI SEBAGAI BOLEH DIPERCAYAI.

MAJALAH YANG BERIBU PEJABAT DI HONG KONG ITU, DALAM EDISI 21 MEI TAHUN LALU, MELAPORKAN BAHAWA PERDANA MENTERI TELAH BERBINCANG MENGENAI KEMUNGKINAN PENJUALAN LIMBANG KEPADA BRUNEI PADA HARGA PERMULAAN AS\$6,000 JUTA (M\$15,000 JUTA) SEMASA MELAWAT BRUNEI DARUSSALAM MAC TAHUN LALU.

DALAM SAMANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR, ANTARA LAIN, MENDAKWA BAHAWA PERKATAAN-PERKATAAN DALAM RENCANA ITU YANG MENYENTUH BELIAU DENGAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI, DALAM MAKNA YANG LAZIM YANG DIFAHAMI MEMBAWA MAKSUD YANG BELIAU TERLIBAT DALAM PERCUBAAN YANG BERCANGGAH DENGAN PERLEMBAGAAN UNTUK MENJUAL KEPADA BRUNEI SEBAHAGIAN DARIPADA WILAYAH SARAWAK YANG MERUPAKAN KOMPONEN MALAYSIA.

BELIAU BERKATA AKIBAT PENERBITAN PERKATAAN-PERKATAAN ITU, NAMA BAIKNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI TELAH TERCEMAR DAN MENDEDAHKANNYA KEPADA PENGHINAAN DAN CEMUHAN MASYARAKAT.

DALAM KENYATAAN MEMBELA DIRI, MAJALAH ITU DAN PENGARANGHNYA MENAFIKAN YANG RENCANA ITU BERMaksud UNTUK MEMFITNAH PERDANA MENTERI, DAN MENAMBAH KATA JIKA PERKATAAN-PERKATAAN ITU BERUNSUR FITNAH, MAKA IA DISIARKAN MENGIKUT HAK ISTIMEWA MEMANDANGKAN DATUK SERI DR MAHATHIR IALAH SEORANG TOKOH YANG DIKENALI DI MALAYSIA DAN DUNIA. -- BERNAMA
2056MST 30 03 88